

GARIS PANDUAN **MAJLIS ZIKIR** **BAGI MASJID DAN SURAU** **DI NEGERI SEMBILAN**



JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Cetakan Pertama September 2023

©Hak Cipta Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan 2023

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atas sebarang cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

ISBN:

978-983-2638-79-7

Susunan:

Bahagian Tariqat Tasauwuf
Jabatan Mufti Negeri Sembilan

Diterbitkan oleh:

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
Aras 15, Menara MAINS
Jalan Taman Bunga
70100 Seremban
Negeri Sembilan

Diurus cetak oleh:

Minda Cetak Sdn Bhd (409000-D)

ISI KANDUNGAN

TINTA	4
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus	
PRAKATA	6
Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Darul Khusus	
SEKAPUR SIREH	8
Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan Darul Khusus	
GARIS PANDUAN MAJLIS ZIKIR	10
ZIKIR UNTUK KESELAMATAN DAN KESENTOSAAN DIRI/ KELUARGA/NEGARA	11
Adab-Adab Zikir	13
PANDUAN ZIKIR TAHLIL	17
GERAKAN KETIKA BERZIKIR	19
DOA (1)	20
DOA (2)	25
Doa Kesentosaan Negara	

..... **Tinta**

 MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

.....

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala pujian bagi Allah s.w.t. yang memiliki dunia dan seisinya. Dan setinggi kesyukuran kepada-Nya yang telah memantapkan generasi kita dengan ilmu, Iman dan Islam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi kita Muhammad s.a.w. yang telah membawa cahaya kecemerlangan dari zaman ke zaman hingga akhir zaman.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya buku yang bertajuk **“Garis Panduan Majlis Zikir Bagi Masjid Dan Surau Di Negeri Sembilan”** berjaya diterbitkan.

Zikir adalah satu amalan yang disyariatkan dalam Islam. Ia merupakan amalan yang boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia serta mendekatkan diri seorang hamba kepada penciptanya. Pelaksanaan zikir dengan betul mengikut adab dan kaifiatnya pasti memberi kesan pada diri seseorang itu. Sehubungan dengan itu, buku garis panduan ini disediakan supaya masyarakat mendapat panduan ketika melakukan ibadah zikir ini.

Kerajaan Negeri, sentiasa mengalu-alu penerbitan ilmiah sebegini. Ini dapat menambah modal insan dan meningkatkan pengetahuan umat Islam terutama di Negeri Sembilan. Hidupkanlah masjid dan surau dengan majlis zikir sesuai dengan saranan al-Quran, al-Sunnah dan mengikut adab yang disusun oleh para ulama.

Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pihak yang berusaha menerbitkan buku ini. Semoga usaha murni akan mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah SWT. Salam hormat.



YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Prakata



TIMBALAN MUFTI KERAJAAN NEGERI NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Pertamanya saya mengucapkan syukur di atas keizinan daripada Allah SWT, **Garis Panduan Majlis Zikir Bagi Masjid Dan Surau Di Negeri Sembilan** ini dapat diterbitkan.

Zikir adalah satu daripada amalan yang digalakkan oleh syariat Islam. Masyarakat yang berzikir akan membawa pelbagai kebaikan kepada individu berkenaan bahkan ianya akan membawa limpahan kurniaan Allah kepada sesebuah kawasan itu secara menyeluruh. Rasulullah saw menggalakkan kita supaya menghidupkan rumah kita dengan berzikir di dalamnya. Baginda telah memberi perumpamaan dengan bersabda:

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَثَلُ الْبَيْتِ الَّذِي يُذَكَّرُ اللَّهُ فِيهِ،
وَالْبَيْتِ الَّذِي لَا يُذَكَّرُ اللَّهُ فِيهِ مَثَلُ الْحَيِّ وَالْمَيِّتِ.

Yang bermaksud, *Nabi saw bersabda: Bandingan rumah yang sering disebut nama Allah di dalamnya dan rumah yang tidak disebut nama Allah di dalamnya umpama orang yang hidup dengan yang mati.*

Sehubungan dengan itu, panduan zikir ini telah disusun bersumberkan al-Quran, hadith, pandangan serta pengalaman ulama terdahulu. Semoga ianya menjadi rujukan bagi mereka yang ingin beramal sesuai dengan adab dan tarbiyah yang diwarisi dari generasi ke generasi.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan penerbitan garis panduan ini. Sekian.



HJ. AMRAN BIN AWALUDIN
Timbalan Mufti Kerajaan Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Sekapur Sireh

PENGARAH



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Segala puji bagi Allah pencipta dan pemilik sekalian alam kerana dengan izin dan inayah-Nya, **Garis Panduan Majlis Zikir Bagi Masjid Dan Surau Di Negeri Sembilan** dapat diterbitkan.

Secara umumnya, jadual di masjid dan surau di Negeri Sembilan dipenuhi dengan aktiviti kelas pengajian kitab. Ini bagi meningkatkan modal insan serta pengetahuan bagi umat Islam. Walau bagaimanapun, saya berpandangan, perlu diperuntukkan satu masa yang khusus dalam seminggu dengan pengisian zikir untuk mengukuhkan kerohanian diri dan kekuatan jiwa. Memantapkan diri dengan zikir kalimah tauhid dapat menyatukan hubungan sesama kita sehingga menjadi umat yang kuat kerana dengan kalimah inilah kita umat Islam dipersaudarakan.

Saya mengharap dengan terbitnya garis panduan ini, ianya dapat menjadi bahan rujukan dan pengamalan di masjid, surau dan di tempat- tempat lain di Negeri Sembilan. Hal ini adalah kerana umat Islam perlu dibekalkan dengan ilmu bagi memantapkan pengamalan serta ibadah mereka.

Akhir sekali, saya mengucapkan ribuan terima kasih ke atas kerjasama semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung menjayakan penerbitan garis panduan ini. Semoga usaha ini akan mendapat keredhaan Allah swt.



DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sembilan Darul Khusus

GARIS PANDUAN MAJLIS ZIKIR

Susunan:

Bahagian Tariqat Tasauwuf
Jabatan Mufti Negeri Sembilan

1. أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ. ٣ كالي

2. إِلَى حَضْرَةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَآلِهِ الْكَرَامِ وَأَصْحَابِهِ الْعِظَامِ لَهُمُ
الْفَاتِحَةُ.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣﴾
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾ اهْدِنَا الصِّرَاطَ
الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ
﴿٧﴾

3. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ. ١٠ كالي

أَفْضَلُ الذِّكْرِ فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،

حَقًّا وَصِدْقًا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،

أَفْضَلُ مَا يَقُولُ الْعَبْدُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ..... 100x

ZIKIR UNTUK KESELAMATAN DAN KESENTOSAAN DIRI/KELUARGA/NEGARA.

70 kali	أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّابًا Yang bermaksud: <i>Aku memohon ampun kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun</i>ⁱⁱ.	(1)
100/1000/3000 16641 kali	يَا لَطِيفُ Yang bermaksud: <i>Ya! Tuhan yang lemah lembut/ yang mengetahui secara terperinci</i>ⁱⁱⁱ.	(2)
(*) 70 kali, 25 kali atau 15 kali setiap selepas solat	(*)  حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (Al-i-'Imran 173) Yang bermaksud: <i>Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami)</i>^{iv}.	(3)
(*) 70/111 kali, 25 kali atau 15 kali setiap selepas solat	(*)  فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (Al-Baqarah 137) Yang bermaksud: <i>Janganlah engkau khuatir (wahai Muhammad) kerana Allah akan memelihara mu dan umatmu dari kejahatan mereka dan Dialah jua yang Amat Mendengar lagi Amat Mengetahui.</i>	(4)
100 kali, 25 kali atau 15 kali setiap selepas solat	(*) لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا مَنجَا مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ (رواه النسائي في عمل اليوم والليلة 358) Yang bermaksud: <i>Tiada daya dan kekuatan kecuali milik Allah serta tiada tempat berlindung dari Allah kecuali kepada-Nya jua</i>^v.	(5)
50 kali atau 25 kali	رَبِّ يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ يَا كَرِيمُ Yang bermaksud: <i>Wahai Tuhan! Mudahkan jangan Engkau susahkan sesungguhnya Engkau Maha Pemurah.</i>	(6)

(Alih Hujan) 25 kali	اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا Yang bermaksud: <i>Ya Allah! Turunkanlah hujan di sekeliling kami saja dan jangan membahayakan ke atas kami</i> ^{vi}.	(7)
(Minta Hujan) 25 kali	جُودُوا عَلَيْنَا جُودُوا Yang bermaksud: <i>Ya Allah! Turunkanlah hujan ke atas kami, turunkanlah hujan.</i>	(8)

PERINGATAN: HENDAKLAH MENGAMALKAN ZIKIR INI MENGIKUT ATURAN DAN BAHAGIAN BERTANDA (*) HENDAKLAH MENGIKUT BILANGAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI SEHARI SEMALAM.

Dipanjangkan oleh,

A.F UST MOHD HASIF BIN DATO' HJ. MOHD MURTADZA
 Syeikh Tariqat al-Ahmadiyah al-Idrisiyah al-Rasyidiyah al-Dandarawiyah
 Kg. Pondok Rasah, Seremban

Adab-Adab Zikir

(آداب الذكر)

Adab-adab berzikir sebagaimana disebutkan oleh al-Sya‘raniy r.a.^{vii}: Para syeikh telah menghitung terdapat seribu adab (zikir). Kemudian mereka berkata: Diringkaskan adab-adab ini kepada 20 adab sekiranya tidak dilaksanakan (oleh seorang murid) sukar untuk memperoleh pembukaan (الفتح). Walau bagaimanapun di sini disebut beberapa adab tersebut sesuai dengan masyarakat umum.

Adab sebelum berzikir ialah:

1. Taubat *Nasuha* iaitu bertaubat daripada perkara yang tidak diperlukan sama ada perkataan, perbuatan dan keinginan. Zu al-Nun al-Misriy berkata: *Sesiapa mendakwa dia telah bertaubat sedangkan dia cenderung kepada syahwat dunia maka dia sebenarnya pembohong.*
2. Mandi atau berwudhu’ setiap kali hendak berzikir, memakai wangian pada pakaian dan mulut dengan wangi-wangian atau air mawar.
3. Diam dan duduk tetap untuk mendapatkan rasa *Sidq* ketika berzikir, iaitu dengan menyibukkan hatinya dengan Allah: perkataan Allah Allah dalam fikirannya tanpa dilafazkan, sehingga tiada lintasan hati yang lain dengan sebutan Allah Allah tersebut. Kemudian seiringkan lisan (sebutan) dengan hati dengan berkata (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), hendaklah melakukan sedemikian ketika hendak berzikir.

Adab ketika berzikir:

1. Duduk pada tempat yang bersih seperti duduk tahiyat awal^{viii} dalam solat sekira mampu.
2. Meletakkan dua tangannya atas peha, menghadap kiblat sekiranya berzikir seorang diri dan dalam bentuk halaqah sekiranya berzikir secara jemaah sama ada bentuk lengkungan atau barisan seperti saf solat.
3. Meletak bau-bauan yang wangi seperti *bakhur*.
4. Memakai pakaian yang halal.
5. Memilih tempat sunyi dan tenang seperti bilik berkhulwah atau tempat tersembunyi.
6. Menutup kedua-dua mata. Hal ini kerana orang yang berzikir jika menutup matanya dia akan menutup pancainderanya yang zahir dan ini akan membuka pancaindera hatinya.
7. *Sidq* (yakin) ketika berzikir sama ada berzikir secara perlahan atau kuat.
8. Ikhlas dan membersihkan amalan daripada segala percampuran (lelaki perempuan). Dengan niat yang *siddiq* dan *ikhlas* ianya akan menyampaikan seseorang (murid) kepada *maqam siddiqiyyah*.
9. Memilih sighah zikir dengan lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ)^{ix}, ini kerana ianya memberikan kesan yang besar kepada pengamalannya di mana kelebihannya tidak terdapat pada zikir-zikir yang lain. Sekiranya telah fana (binasa) syahwat dan hawanya (terhadap dunia) maka

pada ketika itu bolehlah dia berzikir dengan lafaz (الله) pula iaitu tanpa 'nafi'. Selama mana dia terkesan dengan dunia maka seseorang (murid) itu wajib secara istilah, berzikir kepada Allah dengan *nafi* dan *ithbat*.

10. Mendatangkan makna zikir dalam hati, berbeza-beza mengikut darjat maqam musyahadat orang yang berzikir. Menurut Syeikh Hasan al-Shinawi^x, bagi orang awam ketika menyebut lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), cukup baginya mendatangkan makna di hatinya: *Tiada yang disembah sebenar-benarnya kecuali Allah* (لَا مَعْبُودَ بِحَقِّ إِلَّا اللَّهُ). Bagi mereka yang tinggi rasa rohaninya dan berharap kepada makrifatullah, bolehlah mendatangkan makna di hatinya: *Tiada yang diperlukan sebenar-benarnya kecuali Allah* (لَا مَطْلُوبَ بِحَقِّ إِلَّا اللَّهُ). Manakala bagi orang yang di dalam hatinya tiada yang lain kecuali Allah semata-mata maka bolehlah mendatangkan makna di hatinya: *Tiada yang wujud sebenar-benarnya kecuali Allah* (لَا مَوْجُودَ بِحَقِّ إِلَّا اللَّهُ).
11. Mengosongkan hati daripada semua makhluk kecuali Allah ketika menyebut perkataan (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), ini kerana hak Allah tidak suka melihat dalam hati orang yang berzikir ada selain daripada-Nya. Sesungguhnya mereka disyaratkan menafikan semua makhluk dalam hati mereka adalah supaya mereka beroleh kesan ketika menyebut (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) di hati mereka.

Ada pun (adab) selepas selesai berzikir:

1. Berdiam diri dan duduk tetap, penuh kekhusyukan dan dia bersama dengan hatinya menanti hasil yang datang daripada zikir dengan harapan mendapat *warid*. Maka berusaha mendapatkannya walaupun seketika adalah lebih baik daripada mereka yang melakukan *mujahadah* dan *riadhah* selama 30 tahun. Sepertimana orang yang mendapat *zuhud* jadilah dia *zahid*, atau orang yang menanggung kesusahan daripada makhluk lain menjadikan dia penyabar. Begitu juga orang yang menerima perasaan takut kepada Allah dipanggil *Kha'if*.
2. Berulang-ulang mengeji nafsunya dengan kadar 3 kali nafas hingga ke tujuh kali atau lebih sehingga mengalir *warid* zikir tadi ke seluruh anggota badan. Maka dengan itu bercahaya mata hatinya, terhapus lintasan nafsu dan bisikan syaitan serta tersingkap hijab. Beginilah seperti yang disepakati oleh mereka untuk dilakukannya.
3. Dielakkan meminum air sejuk sejurus selesai berzikir. Sesungguhnya selepas berzikir ianya menghasilkan kepanasan, didihan dan kenikmatan kepada yang dizikirkan (Allah), kerana Dia adalah tujuan utama kita berzikir. Dengan meminum air akan memadamkan kepanasan tersebut, maka orang yang berzikir hendaklah loba dalam menjaga 3 adab berzikir ini. Sesungguhnya natijah berzikir akan terzahir dengannya.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

PANDUAN ZIKIR TAHLIL

قَالُوا: وَيَكُونُ الْجَهْرُ فِي الذِّكْرِ بِرَفْقٍ خَوْفًا أَنْ يَتَرَبَّى لَهُ فَتَاقٌ فِي بَطْنِهِ فَيَتَعَطَّلَ جَهْرُهُ بِالْكُلِّيَّةِ، قَالُوا: وَلْيَحْذَرْ الذَّاكِرُ مِنَ اللَّحْنِ فِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ: فَإِنَّهَا مِنَ الْقُرْآنِ فَيَمُدُّ عَلَى لَامِ النَّفْيِ بِقَدْرِ الْحَاجَةِ، وَتُحَقِّقُ الْهَمْزَةَ الْمَكْسُورَةَ بَعْدَهَا وَلَا يَمُدُّ عَلَيْهَا أَصْلًا، وَيَمُدُّ عَلَى اللَّامِ الَّتِي بَعْدَهَا مَدًّا طَبِيعِيًّا، وَيَنْطِقُ بِالْهَاءِ بَعْدَهَا مَفْتُوحَةً بِغَيْرِ مَدٍّ بِالْكُلِّيَّةِ، ثُمَّ يَنْطِقُ بِالْهَمْزَةِ مِنْ حَرْفِ الْإِسْتِثْنَاءِ مَكْسُورَةً مُحَقَّقَةً بِغَيْرِ مَدٍّ أَيْضًا، وَلَا يَمُدُّ عَلَى لَامِ الْأَلْفِ بَعْدَهَا مَدًّا ثُمَّ يَنْطِقُ بِالْجَلَالَةِ فَيَمُدُّ عَلَى اللَّامِ، وَيَقِفُ عَلَى حَرْفِ الْهَاءِ بِالسُّكُونِ إِنْ وَقَفَ: (وَكَذَلِكَ يَنْبَغِي اجْتِنَابُ الْمَدِّ عَلَى حَرْفِ الْهَاءِ مِنْ إِلَهٍ، فَيَتَوَلَّدُ مِنْهُ أَلْفٌ وَذَلِكَ تَحْرِيفٌ لِلْقُرْآنِ وَكَذَا النُّطْقُ بِالْهَاءِ مِنَ الْجَلَالَةِ، مَضْمُومَةً مَمْدُودَةً حَتَّى يَنْشَأَ مِنْهَا وَاقٌ).

Berkata ulamak: Berzikir dengan kuat dan tidak laju dilakukan kerana ditakuti seseorang itu tidak hanya terdidik dari segi dalaman sahaja sehingga meninggalkan berzikir secara jelas sepenuhnya. Ulamak juga berpendapat: Ianya (berzikir kuat) bertujuan untuk memberi peringatan kepada orang yang berzikir daripada melakukan kesalahan sebutan pada lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ), ini kerana ia adalah sebahagian daripada al-Quran^{xi}. Maka hendaklah dipanjangkan sebutan (لَا) dengan kadar diperlukan, kemudian disebut dengan jelas (ل) berbaris bawah

selepasnya dan jangan dibaca dengan *mad asli* ke atasnya, selepas itu dipanjangkan huruf (ﻝ) dengan *mad tabi'e*, dan huruf (ﻩ) berbaris atas selepasnya disebut tanpa dipanjangkan sama sekali. Seterusnya huruf (ﻯ) *istisna'* berbaris bawah disebut dengan nipis tanpa dipanjangkan dan tidak juga dipanjangkan (ﻻ) selepasnya. Kemudian disebut *lafaz jalalah* (الله) dipanjangkan (ﻝ) dan diwaqafkan huruf (ﻩ) dengan berbaris mati sekiranya diwaqafkan: (Begitu juga hendaklah dijaui memanjangkan huruf (ﻩ) pada perkataan (إِلَٰه) seolah-olah ada huruf (ﻻ), ianya telah mengubah al-Quran. Begitu juga huruf (ﻩ) pada *lafaz jalalah* (الله) yang dibaca berbaris hadapan dan panjang seolah-olah ada huruf (ﻭ) dihubungnya).

GERAKAN KETIKA BERZIKIR

وَرَوَى أَبُو نُعَيْمٍ عَنِ الْفَضِيلِ بْنِ عِيَّاضٍ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى أَنَّهُ قَالَ:
كَانَ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ذَكَّرُوا اللَّهَ تَمَّائِلُوا
يَمِينًا وَشِمَالًا كَمَا تَتَمَّائِلُ الشَّجَرَةُ بِالرَّيْحِ الْعَاصِفِ إِلَى أَمَامٍ ثُمَّ إِلَى
وَرَاءِ.

Yang bermaksud, *Diriwayat oleh Abu Naim, daripada al-Fudail bin Iyad rh berkata: Bahawa sahabat Rasulullah SAW ketika zikrullah bergoyang-goyang ke kanan dan ke kiri seperti mana pokok bergoyang ditiup angin kencang ke hadapan dan kemudian ke belakang*^{xii}.

Sesuai dengan amalan masyarakat Islam di Malaysia yang biasa bergerak ke kanan dan ke kiri ketika berzikir lafaz (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) maka terdapat dua kaifiyat iaitu:

1. Sebagaimana yang disebutkan oleh al-Syeikh Ahmad al-Halawany, dimulakan sebutan (لَا) ke sebelah kanan, kemudian kembali ke tengah dengan perkataan (إِلَهَ) dan di akhiri (اللَّهُ) ke kiri ke arah jantung , atau
2. Menggerakkan badan seperti huruf V, ke hadapan sebelah kanan dengan sebutan (لَا), kembali ke tengah dengan perkataan (إِلَهَ), kemudian ke hadapan sebelah kiri dengan perkataan (لَا) dan kembali ke tengah dengan sebutan (اللَّهُ).

DOA (1)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِيءُ مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ فَلَكَ الْحَمْدُ قَبْلَ
الرِّضَا فَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرِّضَا وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضِيتَ وَفَنَيْنَا دَائِمًا
سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا يَا مَوْلَانَا لِأَلَائِكَ ذَاكِرِينَ وَلِنِعْمَاتِكَ شَاكِرِينَ وَعَلَى
قَضَائِكَ وَبَلَائِكَ وَقَدَرِكَ مِنَ الصَّابِرِينَ، وَمِنَ الْحَلَالِ مَرْزُوقِينَ وَعَنِ
الْحَرَامِ مَعْصُومِينَ، وَفِي الْجَنَانِ مُنْعَمِينَ وَعَنِ النَّيِّرَانِ مُبْعَدِينَ، وَإِلَى
وَجْهِكَ وَوَجْهِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا رَبِّ نَاظِرِينَ
وَمُتَمَتِّعِينَ، رُدَّنَا اللَّهُمَّ إِلَيْكَ مَرَدًّا جَمِيلًا (3 كالي).

لَا تَجْعَلِ اللَّهُمَّ لِلشَّيْطَانِ عَلَيْنَا وَعَلَى سَائِرِ إِخْوَانِنَا فِي سَائِرِ
الْحَالَاتِ خُصُوصًا عِنْدَ الْمَمَاتِ وَلَا قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ كَيْدًا وَلَا سَبِيلًا.
وَأَتُبِتْنَا اللَّهُمَّ عَلَى قِرَاءَتِنَا هَذِهِ وَمَا أُضِيفَ إِلَيْهَا ثَوَابًا جَزِيلًا وَأَجْرًا
مِنْكَ عَظِيمًا، وَتَقَبَّلْهَا مِنَّا بِفَضْلِكَ وَكَرَمِكَ قَبُولًا حَسَنًا دَائِمًا جَزِيلًا.
اجْعَلِ اللَّهُمَّ ثَوَابَ مَا قَرَأْنَاهُ وَبَرَكَاتِهِ مَا تَلَوْنَاهُ وَهَلَّلْنَاهُ وَكَبَّرْنَاهُ وَصَلَّيْنَاهُ
زِيَادَةً فِي شَرَفِهِ الْأَعْظَمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، اللَّهُمَّ وَآتِهِ الْوَسِيلَةَ

وَالْفَضِيلَةَ وَالشَّرَفَ وَالذَّرَجَةَ الْعَالِيَةَ الرَّفِيعَةَ، وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا
الَّذِي وَعَدْتَهُ، إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ، وَاسْقِنَا بِيَدِهِ الشَّرِيفَةَ شَرِبَةً هَنِيئَةً
مَرِيئَةً لَا نَظْمًا بَعْدَهَا أَبَدًا يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

ثُمَّ فِي صَحَائِفِ آبَائِهِ وَإِخْوَانِهِ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، صَلَوَاتُ اللَّهِ
وَسَلَامُهُ عَلَيْهِ وَعَلَيْهِمْ أَجْمَعِينَ، وَعَلَى آلِ كُلِّ وَصْحَابَةٍ كُلِّ وَالْقَرَابَةِ
وَالتَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،

ثُمَّ فِي صَحَائِفِ مَنْ اجْتَمَعَنَاهُ بِسَبَبِهِ، وَتَلَى الْقُرْآنُ الْعَظِيمُ مِنْ
أَجْلِهِ، أَنْتَ أَعْلَمُ بِاسْمِهِ، وَأَنْتَ غَنِيٌّ عَنْ عَذَابِهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ
وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ وَاعْسِلْهُ بِالْمَاءِ
وَالثَّلْجِ وَالْبَرَدِ وَنَقِّهِ مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنَقَّى الثَّوْبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ
وَأَبْدِلْهُ دَارًا خَيْرًا مِنْ دَارِهِ وَأَهْلًا خَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ زَوْجِهِ
وَأَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَأَعِذْهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ،

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ وَلَا تَقْتِنَا بَعْدَهُ وَاعْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَإِخْوَانَنَا الَّذِينَ
سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ
رَؤُوفٌ رَحِيمٌ،

ثُمَّ فِي صَحَائِفٍ مَنْ كَانَ سَبَبًا لِإِطْلَالِ هَذَا الْخَيْرِ الْعَظِيمِ، وَإِعْطَائِهِ إِلَيْهِ وَوَالِدَيْنَا وَمَشَائِخِنَا، وَلِمَنْ لَهُ فَضْلٌ عَلَيْنَا وَلِكَافَّةِ الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ، ثُمَّ فِي صَحَائِفٍ إِخْوَانِنَا الْحَاضِرِينَ،

وَأَجْعَلِ اللَّهُمَّ ثَوَابًا مِثْلَ ثَوَابِ ذَلِكَ إِلَى أَرْوَاحِ أَمْوَاتِنَا الْمُسْلِمِينَ كَافَّةً عَامَّةً خُصُوصًا مَنْ لَيْسَ لَهُمْ زَائِرٌ وَلَا ذَاكِرٌ، عُمْ الْجَمِيعِ بِالرَّحْمَةِ وَالرِّضْوَانِ، وَأَدْخِلْهُمْ فِي فَسِيحِ الْجَنَانِ، عُمْ الْجَمِيعِ بِالْمَغْفِرَةِ وَالْإِحْسَانِ، وَأَدْخِلْهُمْ فِي فَسِيحِ الْجَنَانِ، عُمْ الْجَمِيعِ بِالرَّأْفَةِ وَالْإِمْتِنَانِ، وَأَدْخِلْهُمْ فِي فَسِيحِ الْجَنَانِ، عُمْ الْجَمِيعِ بِالْعَفْوِ وَالْغُفْرَانِ، وَأَدْخِلْهُمْ فِي فَسِيحِ الْجَنَانِ، يَا حَنَّانُ يَا مَنَّانُ، يَا مَنْ إِذَا سُئِلَ أَعْطَى وَإِذَا دُعِيَ أَجَابَ وَإِذَا اسْتُعِينَ أَعَانَ، اللَّهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُورِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ،

اللَّهُمَّ لَا تَدْعُ لَنَا فِي مَقَامِنَا هَذَا ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا فَرَجْتَهُ، وَلَا دَيْنًا إِلَّا قَضَيْتَهُ، وَلَا مَرِيضًا إِلَّا شَفَيْتَهُ، وَلَا عَدُوًّا إِلَّا كَفَيْتَهُ، وَلَا غَائِبًا إِلَّا رَدَدْتَهُ، وَلَا عَاصِيًا إِلَّا عَصَمْتَهُ، وَلَا فَاسِدًا إِلَّا أَصْلَحْتَهُ، وَلَا مَيِّتًا إِلَّا رَحِمْتَهُ، وَلَا عَيْبًا إِلَّا سَتَرْتَهُ، وَلَا عَسِيرًا إِلَّا يَسَّرْتَهُ، وَلَا حَاجَةً مِنْ حَوَائِجِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ لَكَ فِيهَا رِضًا وَلَنَا فِيهَا صَلَاحٌ إِلَّا أَعَنْتَنَا عَلَى قَضَائِهَا فِي يُسْرٍ مِنْكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ،

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا، وَتَفَرُّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا
مَعْصُومًا، لَا تَجْعَلِ اللّٰهُمَّ فِيْنَا وَلَا مَعَنَا وَلَا مِنْ يَتَّبِعُنَا شَقِيًّا وَلَا
مَطْرُودًا وَلَا مَحْرُومًا، هَبْ لَنَا مُسِيئَتَنَا لِمُحْسِنِنَا وَمُقْصِرَنَا لِغَامِلِنَا،
وَهَبْ لَنَا الْكُلَّ لِرُوحِكَ الْكَرِيمِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ،

اَللّٰهُمَّ اجْبُرِ انْكِسَارَنَا وَاَقْبَلِ اعْتِدَارَنَا، وَاخْتِمِ بِالصَّالِحَاتِ اَعْمَالَنَا،
وَعَلَى الْاِيْمَانِ وَالْاِسْلَامِ جَمْعًا تَوْفَقْنَا وَاَنْتَ رَاضٍ عَنَّا، وَلَا تُخَيِّبْنَا اللّٰهُمَّ
فِي غَفْلَةٍ وَلَا تَأْخُذْنَا عَلَى غِرَّةٍ، وَاجْعَلْ آخِرَ كَلَامِنَا عِنْدَ انْتِهَاءِ
اَجَالِنَا قَوْلَ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ مُحَمَّدٌ رَّسُوْلُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ،
كَلِمَةً حَقٍّ وَصِدْقٍ وَاِخْلَاصٍ وَنَجَاةٍ وَاَمْنٍ عَلَيْهَا نَحْيٍ وَعَلَيْهَا نَمُوْتُ
وَعَلَيْهَا نُبْعَثُ اِنْ شَاءَ اللّٰهُ تَعَالٰى مِنَ الْاَمْنِيْنَ يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا
بَنُوْنَ اِلَّا مَنْ اَتَى اللّٰهُ بِقَلْبٍ سَلِيْمٍ وَاَفْضَلُ الصَّلَاةِ وَاَتَمُّ التَّسْلِيْمِ عَلَى
صَاحِبِ الشَّفَاعَةِ وَالْخُلُقِ الْعَظِيْمِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ النَّبِيِّيْنَ وَعَلَى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ،

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ ﴿١٨٠﴾ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ ﴿١٨١﴾
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ ﴿١٨٢﴾

- الْفَاتِحَةُ -

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٢﴾ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 ﴿٣﴾ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾ إِلَهِكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ ﴿٥﴾
 أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ﴿٦﴾ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ
 عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴿٧﴾

Kemudian Dibaca Doa Penutup Berikut,

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَثُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ
 الرَّحِيمُ، وَوَقِّفْنَا لِاتِّبَاعِ سُنَّةِ نَبِيِّكَ الْكَرِيمِ وَاهْدِنَا جَمِيعًا إِلَى صِرَاطِكَ
 الْمُسْتَقِيمِ وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

DOA (2)

DOA KESENTOSAAN NEGARA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِيءُ مَزِيدَهُ يَا رَبَّنَا لَكَ
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ فَلَكَ الْحَمْدُ قَبْلَ
الرِّضَا فَلَكَ الْحَمْدُ بَعْدَ الرِّضَا وَلَكَ الْحَمْدُ إِذَا رَضِيتَ وَفَنَيْنَا دَائِمًا
سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْأَوَّلِينَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْآخِرِينَ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي كُلِّ
وَقْتٍ وَحِينٍ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ فِي الْمَلَأِ الْأَعْلَى إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ وَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى جَمِيعِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى الْمَلَائِكَةِ
الْمُقَرَّبِينَ وَعَلَى عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ مِنْ أَهْلِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ.

وَرَضِيَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى عَنْ سَادَاتِنَا وَهَدَاتِنَا وَأَيْمَتِنَا أَبِي بَكْرٍ
وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ وَعَنْ سَائِرِ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَاحْشُرْنَا
وَارْحَمْنَا مَعَهُمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا يَا مَوْلَانَا لِاَلَاثِكِ ذَاكِرِيْنَ وَلِنِعْمَاتِكَ شَاكِرِيْنَ وَعَلَى قَضَائِكَ وَبَلَائِكَ وَقَدْرِكَ مِنَ الصَّابِرِيْنَ، وَمِنَ الْحَالِ مَرْزُوقِيْنَ وَعَنِ الْحَرَامِ مَعْصُومِيْنَ، وَفِي الْجَنَانِ مُنْعَمِيْنَ وَعَنِ النَّيْرَانِ مُبْعَدِيْنَ، وَإِلَى وَجْهِكَ وَوَجْهِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَا رَبِّ نَاطِرِيْنَ وَمُتَمَتِّعِيْنَ، رُدَّنَا اَللّٰهُمَّ اِلَيْكَ مَرَدًّا جَمِيْلًا (3 كالي).

اَللّٰهُمَّ وَفَّقْ سَائِرَ الْعُمَّالِ وَالْوُزَرَءِ وَالسَّلَاطِيْنَ وَالْمُلُوكِ وَالْأُمَرَاءِ لِرِعَايَةِ أُمُورِ الدِّينِ وَالْمُحَافَظَةِ عَلَى حُقُوقِ الْمُسْلِمِيْنَ وَإِقَامَةِ الْعَدْلِ فِي الْأَحْكَامِ وَالتَّمَسُّكِ بِفَضَائِلِ الْإِسْلَامِ.

اَللّٰهُمَّ وَأَصْلِحْ بِهِمْ شُئُونَ الْأُمَّةِ الْمَلَايُوتَةِ حَتَّى تَتَرَقَّى وَتَتَقَدَّمَ إِلَى أَعْلَى مَا يَتَحَقَّقُ بِهِ بُلُوغُ الْأُمْنِيَّةِ. اَللّٰهُمَّ وَاَنْصُرْنَا مَعَاشِرَةَ الْأُمَّةِ الْمَلَايُوتَةِ وَاهْدِنَا وَسَدِّدْنَا خَيْرَ الْبَرِيَّةِ وَاهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ.

اَللّٰهُمَّ اكشِفْ عَنَّا الْكُرْبَاتِ، وَسَلِّمْنَا نَحْنُ مِمَّا فِيهِ مِنَ الْآفَاتِ، وَاحْفَظْنَا مِنْ كُلِّ سُوءٍ وَمَلَامٍ، وَبَلِّغْنَا كُلَّ مَقْصُودٍ وَمُرَامٍ، وَأَصْلِحْ بَيْنَنَا وَبَيْنَ غَيْرِنَا حَتَّى نَكُونَ فِي أَمَانٍ وَسَلَامٍ، وَفَرِّجْ عَنَّا كُرْبَاتِنَا فَرْجًا عَاجِلًا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اَللّٰهُمَّ كُنْ لَنَا وَلَهُمْ وَلِهَذِهِ الْبِلَادِ حَافِظًا مِنْ جَمِيعِ الْبَلَايَا وَدَافِعًا عَنَّا وَعَنْهُمْ جَمِيعَ الرِّزَايَا، وَاَنْصُرْنَا عَلَى الْاَعْدَاءِ وَالْحُسَادِ وَاَحْلُلْ غَضَبَكَ وَنَقِمَتَكَ عَلَى الْبَغْيِ وَالْفَسَادِ اَللّٰهُمَّ وَاخْرُسْ بِعَيْنِكَ الَّتِي لَا تَنَامُ وَاكْثِفْ بِكَفِكَ وَرُكْنِكَ الَّذِي لَا يُرَامُ، اَللّٰهُمَّ اِرْمِ رَايَةَ الْاِسْلَامِ مَنْشُورَةً وَمَوَاطِنَ الدِّينِ وَالْحَقِّ مَعْمُورَةً.

﴿رَبَّنَا لَا تَجْعَلْنَا فِتْنَةً لِّلْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿٨٥﴾ وَنَجِّنَا بِرَحْمَتِكَ مِنْ الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٨٦﴾﴾

﴿رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٧﴾﴾

﴿رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٨٨﴾﴾

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمْ، فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللّٰهِ.

﴿سُبْحَنَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿٨٩﴾ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ ﴿٩٠﴾ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٩١﴾﴾

Yang bermaksud, *Ya Allah! Anugerahkanlah taufiq kepada sekalian pentadbir awam, jemaah menteri, para sultan dan raja, serta pemimpin negara bagi memelihara kehendak-kehendak agama, memelihara hak keistimewaan umatnya, menegakkan keadilan dalam undang-undang dan berpegang kepada keindahan Islam.*

Ya Allah! Jadikanlah mereka agen perubah hal keadaan orang-orang Melayu, agar bangsa ini meningkat maju dan kehadapan sehingga tercapai cita-cita yang diidam-idamkan. Ya Allah! Bantulah bangsa Melayu, bimbinglah serta jadikanlah kami menjadi sebaik-baik manusia. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus, jalan yang telah Engkau kurniakan kepada umat Islam yang telah menikmatinya, bukan sebagaimana orang yang Engkau murkai dan bukan juga orang yang sesat.

Ya Allah! Hindarilah kami daripada sebarang kesusahan, sejahterakanlah kami daripada segala yang boleh memudharatkan, peliharalah kami daripada segala buruk lagi keji dan tunaikanlah segala yang diharap dan dihajati. Harmonikanlah antara kami dan bangsa lain selain kami, hingga kami sentiasa dalam keamanan dan keselamatan. Bebaskanlah kami dengan segera daripada segala kepayahan dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Merahmati segala yang penyayang.

Ya Allah! Jadikanlah bagi bangsa kami, kaum yang lain dan negara ini penjaga daripada segala bala, yang menghalang kami dan mereka daripada sebarang pencerobohan. Bantulah kami menewaskan segala musuh dan orang yang dengki. Zahirkanlah kemarahanMu dan kemurkaanMu kepada orang yang melampau dan yang melakukan kerosakan. Ya Allah! Awasilah dengan penglihatanMu yang tidak pernah lena dan bentengilah dengan perlindungan dan bentengMu yang tidak mudah diterima.

Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri, dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi.

Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

Doa ini dibaca oleh al-Marhum Syekh Haji Ahmad bin Muhammad Said ketika pengisytiharan Kemerdekaan Negara di Stadium Merdeka oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada 31hb Ogos 1957.

Bersamalah kita berdoa agar pemerintah, pentadbir, orang Melayu, hubungan antara kaum dan kesentosaan negara dipelihara oleh Allah swt. Renungilah FirmanNya,

وَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ ۚ لَوْ أَنفَقْتَ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مَّا أَلَّفْتَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَلَكِنَّ اللَّهَ أَلَّفَ بَيْنَهُمْ ۚ إِنَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٦٣﴾

Yang bermaksud, *Dan (Dialah) yang menyatu-padukan di antara hati mereka. Kalaulah engkau belanjakan segala (harta-benda) yang ada di bumi, nescaya engkau tidak dapat juga menyatu-padukan di antara hati mereka, akan tetapi Allah telah menyatu-padukan di antara (hati) mereka. Sesungguhnya Ia Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*

(al-Anfal, ayat 63)

Mendoakan negeri dan bangsa di sesebuah negeri itu tidak salah. Hal ini berdasarkan doa Nabi Ibrahim as terhadap Makkah dan penduduknya,

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا ءَامِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ قَالَ وَمَنْ كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلًا ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَىٰ عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٢٦﴾

Yang bermaksud, dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhanku! Jadikanlah (negeri Makkah) ini, negeri yang aman sentosa, dan berikanlah rezeki dari berbagai jenis buah-buahan kepada penduduknya, iaitu orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat di antara mereka”. Allah berfirman: ” (Permohonanmu itu diterima) tetapi sesiapa yang kufur dan ingkar maka Aku akan beri juga ia bersenang-senang menikmati rezeki itu bagi sementara (di dunia), kemudian Aku memaksanya (dengan menyeretnya) ke azab neraka, dan (itulah) seburuk-buruk tempat kembali”.

(al-Baqarah, 126)

Mendoakan orang Melayu bukan bermaksud taksub dengan bangsa tertentu atau rasis kepada bangsa lain. Ianya dilakukan kerana kebanyakan yang menjalankan pentadbiran di negeri dan negara ini terdiri daripada orang Melayu sama ada raja, menteri dan pentadbir awam. Sehubungan dengan itu, kita mendoakan mereka agar Allah memberi mereka taufiq dan hidayah agar mereka menjalankan amanah ini seiring dengan tuntutan syarak. Selain itu, dari segi Perlembagaan Persekutuan apabila disebut orang Melayu ertinya seseorang yang menganut agama Islam.

ⁱ Membaca al-Fatihah sebagai satu bentuk tawassul dengan al-Quran mengharapakan dengan keberkatannya Allah mengurniakan pembukaan dan mema'qbulkan permintaan kita. Kemudian menghadihkan pahala membaca surah al-Fatihah tersebut kepada Rasulullah saw sebagai tanda bersyukur kerana melalui Baginda kita menerima amalan ini dan ianya berpindah daripada satu kumpulan kepada satu kumpulan yang mustahil mereka berpakat untuk melakukan pembohongan. Selain itu, Baginda saw merupakan penghulu bagi semua orang yang berzikir dan para sahabat serta generasi selepas itu mengambil amalan ini daripadanya.

Secara tersiratnya kita telah memulakan zikir kita dengan memuji Allah swt. Hal ini kerana di dalam surah al-Fatihah mengandungi pujian terhadap Allah. Kemudian diikuti dengan berselawat ke atas Nabi saw. Hal ini merupakan prasyarat untuk menjadikan permintaan kita diperkenankan oleh Allah swt sesuai dengan sabda Rasulullah saw,

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيُبْدِأْ بِتَمَجِيدِ رَبِّهِ وَالْتَّاءِ عَلَيْهِ، ثُمَّ يُصَلِّي عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ يَدْعُو بِمَا شَاءَ.

Yang bermaksud, *Jika seorang daripada kamu berdoa (memohon permintaan) maka mulakanlah dengan mengagung dan memuji Allah swt. Kemudian berselawatlah ke atas Nabi saw. Lalu mintalah apa yang kamu kehendaki.*

ⁱⁱ Tuntutan beristighfar sebagaimana firman Allah (s.w.t.):

وَيَقَوْمِ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا وَيَزِدْكُمْ قُوَّةً إِلَى قُوَّتِكُمْ وَلَا تَتَوَلَّوْا مَحْرَمِينَ ﴿٥٢﴾

Yang bermaksud, *Dan wahai kaumku! Hendaklah kamu beristighfar (meminta ampun) kepada Tuhan kamu, kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya, nescaya Dia akan menurunkan ke atas hujan lebat dan nescaya Dia akan menambahkan kamu satu kekuatan di samping kekuatan kamu yang sedia ada. Dan janganlah kamu membelakangkan seruanku dengan terus melakukan dosa!*

(Hud, 52)

Firman Allah swt,

﴿ فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ يُرْسِلِ السَّمَاءَ عَلَيْكُمْ مِدْرَارًا ﴿١١﴾ وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَيَبِينْ وَيَجْعَلْ لَكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَلْ لَكُمْ أَنْهَارًا ﴿١٢﴾ ۝﴾

Yang bermaksud, *Sehingga aku berkata (kepada mereka): 'Pohonkanlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya adalah Ia Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu. Dan Ia akan memberi kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan serta anak pinak; dan Ia akan mengadakan kebun-kebun tanaman, serta sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).*

(Nuh, 10-12)

Hadith Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً.

Maksudnya: *Demi Allah! Sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan aku bertaubat kepada-Nya dalam sehari lebih daripada 70 kali.*

(Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari)

Hadith Rasulullah saw,

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ أَكْثَرَ (وَفِي رِوَايَةٍ: مَنْ لَزِمَ) مِنَ الْإِسْتِغْفَارِ جَعَلَ اللَّهُ عَرًّا وَجَلَّ لَهُ مِنْ كُلِّ هَمٍّ فَرْجًا وَمِنْ كُلِّ ضِيقٍ مَخْرَجًا وَرَزَقَهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ.

Yang bermaksud, *Nabi saw bersabda: Sesiapa memperbanyakkan (dalam riwayat yang lain: sesiapa yang sentiasa) Istighfar, Allah Azza wa Jalla menjadikan baginya pada setiap kesedihan itu ada kegembiraan (selepas itu), setiap kesusahan (masalah) ada jalan penyelesaiannya dan dianugerahkan rezeki yang tidak terhingga dan di luar jangkaan*

Lafaz istighfar ini berdasarkan hadith,

حديث مسلمة بن عبد الله الجهني عن عمه أبي مستحقة بن ربيعي عن أبي زمل قال: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى الصُّبْحَ وَهُوَ ثَانِي رَجُلَهُ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَيَحْمَدُهُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّابًا سَبْعِينَ مَرَّةً... (شرح سنن ابن ماجه، الإمام الحافظ علاء الدين المغلطاي، ج 1، ص 1575)

Yang bermaksud, *Hadith Musallamah bin Abdullah al-Jahni, daripada bapa saudaranya Abi Mustahaqqah bin Rabi'ie, daripada Abi Zaml berkata: Rasulullah saw jika selesai solat subuh melipat kakinya dan Baginda menyebut: (سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ) dan (أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ تَوَّابًا) sebanyak 70 kali...*

iii Perkataan (اللطيف) merupakan satu daripada nama-nama Allah. Allah swt berfirman,

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا

Yang bermaksud, *Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), oleh itu serukanlah (dan berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu.*

(Al-A'raf, 180)

Ringkasan kaifiyyah beramal atau berzikir dengan Asma' Allah al-Husna.

1. Berzikir atau menyebut Asma' Allah dengan huruf seruan (*al-Nida'*) (يَا) seperti (يَا حَيُّ، يَا حَيُّ);
2. Atau dengan *al-Ta'rif (ma'rifah)* seperti (الْحَيُّ، الْحَيُّ);
3. Atau secara *al-Tajrid* seperti (حَيُّ، حَيُّ) iaitu dibaca dengan *tanwin* kemudian sukun;
4. Dengan menyebut dua sifat yang sama makna seperti (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ);
5. Atau dengan menyebut dua sifat yang berlawanan seperti (الْمُعِزُّ الْمُنِزِلُ).

Bagi bilangan 4 dan 5 boleh dibaca dengan *al-Nida'*, dengan *al-Ta'rif* atau dengan *al-Tajrid*.

iv Hadith,

عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما قال: (حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ): قَالَهَا إِبْرَاهِيمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ حِينَ أُلْقِيَ فِي النَّارِ، وَقَالَهَا مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ قَالُوا: (إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ)

Yang bermaksud, *Daripada Abdullah bin Abbas r.a berkata: Perkataan:*

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Bermaksud: *Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami)*

ianya dibaca oleh Nabi Ibrahim a.s ketika dia hendak dicampakkan ke dalam api dan Nabi Muhammad saw membaca ayat yang sama ketika menghadapi kaum musyrikin:

...إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

Bermaksud: ... “bahawa kaum (kafir musyrik) telah mengumpulkan tentera untuk memerangi kamu, oleh itu hendaklah kamu gerun kepadanya,” maka berita itu makin menambah iman mereka, lalu berkata: “Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia sebaik-baik pengurus (yang terserah kepada-Nya segala urusan kami)”.

(Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari)

ⁱ Hadith

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: بَيْنَا أَنَا أَمْشِي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَا أَبَا هُرَيْرَةَ أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى كَثْرٍ مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ؟ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا مَنَاجَا مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ.

(رواه النسائي في عمل اليوم والليلة (358))

Yang bermaksud, Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Tatkala aku berjalan bersama Rasulullah saw, Baginda bersabda: Wahai Abu Hurairah, mahukah kamu aku tunjukkan satu daripada perbendaharaan syurga? Iaitu ucapan:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا مَنَاجَا مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ

(Tiada daya dan kekuatan kecuali milik Allah serta tiada tempat berlindung dari Allah kecuali kepada-Nya jua).

Begitu juga,

عَنْ مَخُولٍ قَالَ: مَنْ قَالَ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، وَلَا مَنَاجَا مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ رَفَعَ اللَّهُ عَنْهُ سَبْعِينَ بَابًا مِنَ الصَّرَاءِ أَذْنَاءِ الْفَقْرِ.

Daripada Makhul berkata: Sesiapa yang mengucapkan:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا مَنَاجَا مِنَ اللَّهِ إِلَّا إِلَيْهِ

Allah akan mengangkat daripadanya 70 pintu kesusahan, yang terdekat ialah pintu kefakiran

(Al Musannaf, Ibn Abi Syaibah, bab al Dua')

vi Hadith

يَا كَعْبُ حَدِّثْنَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: وَجَاءَهُ رَجُلٌ فَقَالَ: اسْتَسْقِ اللَّهَ لِمُضَرَ - فَقَالَ: إِنَّكَ لَجَرِيءٌ.. الْمُضَرُّ؟ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ اسْتَنْصَرْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ فَأَجَابَكَ. فَرَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدَيْهِ يَقُولُ: اَللّٰهُمَّ اسْقِنَا غَيْثًا مُّغِيثًا مَّرِيئًا طَبَقًا غَدَقًا عَاجِلًا غَيْرَ زَائِلٍ نَافِعًا غَيْرَ ضَارٍ فَأَجِيبُوا فَمَا لَبِثُوا أَنْ أَنْوَّهُ فَشَكُّوا إِلَيْهِ كَثْرَةُ الْمَطَرِ فَقَالُوا: قَدْ تَهَدَّمَتِ الْبُيُوتُ، فَرَفَعَ يَدَيْهِ وَقَالَ: اَللّٰهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا، فَجَعَلَ السَّحَابُ يَنْقَطِعُ يَمِينًا وَشِمَالًا.

Yang bermaksud, “Wahai Kaab, ceritakanlah kepadaku tentang Rasulullah saw”. Kaab menjawab: “Saya pernah mendengar Rasulullah saw bersabda ketika didatangi oleh seseorang yang berkata: Berdoalah kepada Allah agar diturunkan hujan kepada suku Mudhar”. Baginda bersabda: “Engkau berani sekali, adakah hanya untuk suku Mudhar saja?”. Orang itu berkata pula: “Ya Rasulullah! Tuan telah memohonkan kemenangan kepada Allah dan telah dikabulkan”. Rasulullah saw pun lalu mengangkat kedua tangannya seraya berdoa: “Ya Allah! Turunkanlah kepada kami hujan yang menyelamatkan, menyuburkan, baik akibatnya, merata manfaatnya, lebat dalam waktu yang segera dan tidak terlambat, bermanfaat dan tidak berbahaya”. Permohonan mereka tercabul, tetapi kini mereka mengeluh pula kerana berterusan hujan. Mereka datang berkata: “Rumah-rumah telah roboh”. Baginda pun mengangkat tangannya dan berdoa: “**Ya Allah! Turunkanlah di sekeliling kami saja dan jangan membahayakan kami**”. Awan pun lalu terpancar ke kanan dan ke kiri kemudian menghilang.

(Diriwayatkan oleh Ahmad, Ibnu Majah, Baihaqi, Ibnu Abi Syaibah dan Hakim yang mengatakan bahawa isnad hadith ini adalah hasan lagi sahih menurut syarat al-Bukhari dan Muslim).

vii Dipetik daripada Kitab al-Anwar al-Qudsiyyah fi Ma’rifah Qawa’id al-Sufiyyah, al-Imam al-‘Alamah Abdul Wahhab al-Sya’raniy, Maktabah al-Ma’arif, Beirut, 2003, hlmn 28.

Disebut juga di dalam kitab al-Mafakhir al-‘Aliyyah fi al-Maathir al-Syazuliyyah, Sidi Ibn ‘Iyyad, hlmn 130.

viii Ketika berzikir atau berdoa disunat duduk seperti duduk tahiyat awal kerana ianya diqiaskan dengan solat. Ini kerana solat dari segi bahasa ialah doa. Di dalam solat juga mengandungi zikir. Firman Allah swt,

وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَاتَّبِعْ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

Yang bermaksud: *Dan janganlah engkau nyaringkan bacaan do'a atau sembahyangmu, juga janganlah engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu.*

(Al-Isra' : 110)

Imam al-Qusyairi di dalam kitabnya, Syarh Asma' Allah al-Husna menukilkan, diriwayatkan daripada Saidatina Aishah r.ah, ayat ini diturunkan ketika Nabi dalam keadaan duduk dan sedang bertasyahhud. Ia adalah perintah supaya tidak membacanya terlalu kuat dan tidak terlalu perlahan dan membacanya kadar didengar oleh telinga sendiri. Oleh itu, keadaan duduk di sini mengisyaratkan bahawa kita berada dalam keadaan sangat hampir dengan Allah swt dan keadaan hampir ini menunjukkan suatu kehebatan.

^{ix} Sabda Rasulullah saw,

أَفْضَلُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Yang bermaksud, *Sebaik-baik perkataan bagi aku dan para nabi sebelumku ialah menyebut (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ).*

^x Al-Syeikh Hasan Muhammad Said al-Shinawi, Kertas Kerja “Zikir Dalam Tarekat Tasawuf: Antara Sunnah dan Bid'ah”, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Tarekat Tasawuf, 17hb-19hb Ogos 2002, di Hotel Hilton Seremban, anjuran Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

^{xi} Firman Allah swt.

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Yang bermaksud, *Oleh itu, maka tetapkanlah pengetahuanmu dan keyakinanmu (Wahai Muhammad) bahawa sesungguhnya tiada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Allah...*

(Muhammad, 19)

^{xii} Al-Tartib al-Idariyah, al-Alamah Abdul Hay al-Kataniy, Dar al-Arqam, Raqsu al-Habsyah fi al-Masjid al-Nabawi Amamahu a.s, (2/93).

^{xiii} Syarh Asma' Allah al-Husna, Imam Abu al-Qasim Abdul Karim al-Qusyairi, Dar Azal, 1986, hlmn 22.

NOTA

NOTA

NOTA